



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh

## TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR TS. DR. SALMIAH KASOLANG  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PULAU PINANG**

**“MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN  
(MoA)  
Antara  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG  
Dan  
JABATAN KERJA RAYA (JKR)”**

DI

**BILIK MESYUARAT UTAMA, ARAS 9,  
KOMPLEKS PERDANA, UiTM CAWANGAN PULAU PINANG  
KAMPUS PERMATANG PAUH  
(dalam talian)**

PADA

**29 MAC 2021M / 15 SYAABAN 1442H**

**(ISNIN)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحِبِهِ أَحْمَمِيَّنَ.

## TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS YBRS PROFESOR MADYA DR NOORSHUHADA MD NOOR MERANGKAP KETUA PENYELIDIK

- **YBrs Ir. Dr. Sherliza Bt Zaini Sooria**  
**Pengarah**  
**Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan**  
**Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR**  
**(CREaTe), Jabatan Kerjaya Raya Malaysia**
- **YBrs Profesor Madya ChM Dr Nor Aziyah Bakhari**  
**Timbalan Rektor (Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri**  
**Masyarakat dan Alumni)**  
**UiTM Cawangan Pulau Pinang**
- **Dr. Haji Anas Ibrahim,**  
**Ketua Pusat Pengajian**  
**Fakulti Kejuruteraan Awam**  
**UiTM Cawangan Pulau Pinang**
- **YBhg Profesor Dr Azmi Ibrahim**  
**Penasihat Kehormat dan Penyelidik UiTM**
- **Ir. Sarina Ismail**  
**Ketua Penyelidik**  
**JKR CREaTE**
- **Wakil-wakil dari JKR dan UiTM**
- **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian**

## Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1. Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam buat Nabi junjungan Muhammad s.a.w keluarga dan para sahabat baginda seluruhnya. Atas keizinan-Nya dapat kita sama-sama dalam majlis simbolik **Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara UiTM Cawangan Pulau Pinang dan JKR Malaysia.**

Kesempatan ini diambil, untuk saya menzahirkan ucapan terima kasih dan sekalung apresiasi kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Majlis yang sungguh bermakna ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak **JKR (CREaTe) Jabatan Kerja Raya Malaysia** atas kesudian dalam menjalinkan kerjasama dengan pihak UiTM dan UiTM Cawangan Pulau Pinang khususnya. Saya mewakili pengurusan tertinggi UiTM dengan sepenuh hati menzahirkan rasa pernah bersyukur dan komited untuk bersama-sama dalam melakukan pelbagai bentuk sinergi dengan JKR Malaysia. Salah satunya projek penyelidikan ini. Alhamdulillah.

### **Hadirin sekalian.**

2. Peribahasa lama yang berbunyi “**Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya**” “**Ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni**”. Dua peribahasa ini saya kongsikan atas maksud tersirat disebalik bait-baitnya. Ertinya, apabila seseorang itu mengkehendaki

sesuatu pasti akan menemui caranya untuk terus berjaya dengan sokongan dan kerjasama pasti lebih berhasil lagi. Justeru, dengan Memorandum Perjanjian ini (MoA), pelbagai inisiatif dan sokongan dapat dirancang dan dilaksanakan demi kemaslahatan bersama. Saya amat yakin dengan kewibawaan dan nama JKR (Jabatan Kerja Raya dan Jasa kepada Rakyat ini) yang tidak asing serta gah ini bersama pasukan penyelidik UiTM dan JKR (CREaTe) kita dapat mencapai sesuatu dengan penuh gemilang. InsyaAllah.

### **Tuan-tuan dan Puan-puan**

3. Izinkan saya berkongsi mengenai Universiti Teknologi MARA (UiTM). UiTM merupakan universiti terbesar di Malaysia yang mempunyai **35 cawangan dan kampus satelit** di seluruh Malaysia dan UiTM Shah Alam merupakan kampus utama serta pusat pentadbiran UiTM. Untuk makluman para hadirin sekalian, sehingga kini, UiTM secara keseluruhannya mempunyai seramai hampir **900 ribu alumni, 190 ribu pelajar dan 18 ribu kakitangan**. UiTM Cawangan Pulau Pinang merupakan kampus yang ke-11 ditubuhkan. Melalui Visi UiTM untuk menjadi sebuah **Universiti terkemuka dunia dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan** dan misi menujuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum keterhadapan dan penyelidikan berimpak. InsyaAllah Falsafah universiti pula adalah meyakini bahawa setiap individu mempunyai kemampuan untuk mencapai kecemerlangan melalui pemindahan pengetahuan dan asimilasi nilai-nilai moral sehingga

menjadi graduan profesional yang mampu mengembangkan ilmu, pembangunan diri, masyarakat mahupun negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. MoA di antara UiTM Cawangan Pulau Pinang dan pihak JKR dilihat dapat memberi impak yang positif kepada kedua-dua pihak kerana pertukaran idea dan pengalaman antara satu sama lain melalui perbincangan **intelektual, kolaborasi penyelidikan, inovasi dan lain-lain**. Projek Penyelidikan bertajuk "**Controlled Low Strength Concrete (CLSC) for Precast Lightweight Wall Concrete Production using Recycled Concrete Aggregate (RCA)**" dengan **dana berjumlah (RM 339,700.00)** dari JKR ini selama **2 tahun** bermula dari 15 Mac 2021 melalui pasukan penyelidik JKR CREaTE dan UiTM akan berhasil dengan jayanya dalam mewujudkan kerjasama penyelidikan yang lebih efektif. InsyaAllah.
  
5. Semoga dipermudahkan segala urusan dan selamat maju jaya kepada kepada Prof. Madya Dr Noorsuhada Md Nor selaku Ketua penyelidik UiTM bersama Pasukan penyelidik UiTM iaitu Prof Dr Azmi Ibrahim, Dr Soffian Noor Mat Saliah dan Ir. Ts. Mohd Azrizal Fauzi. Manakala pasukan JKR CREaTe terdiri daripada Ir. Sarina Ismail sebagai Ketua Penyelidik, Encik Noor Azlan Abdullah, Ir Muhamad Yusri Zainal dan Muhammad Afiq Bin Tambichik. Syabas kerana telah berjaya memperolehi dana penyelidikan berjumlah Tiga Ratus Tiga Puluh Sembilan Ribu Tujuh Ratus sahaja (RM 339,700.00).

6. Akhir kata, “Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang” “Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat”. Terima kasih sekali lagi YBrs Ir. Dr. Sherliza Bt Zaini Sooria, Pengarah, Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTe), dan Jabatan Kerjaya Raya Malaysia terutamanya. Semoga sifat Asmaul Husna Ar-Rahman Ar-Rahim (Kasih dan Sayang) terpahat dan hadir dalam hati masing-masing. Mendapat keberkatan dan dibukakan pintu rezekiNya dengan seluas-luasnya. Dipermudahkan segala urusan. InsyaAllah.

Sekian; Wabillahi taufiq, Wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.